

# UMS tuan rumah ISSRM pada 14-17 Jun

UB 10.6.2011 B7

KOTA KINABALU: Seramai 200 peserta dari 18 negara akan menyertai Simposium Antarabangsa Mengenai Masyarakat dan Sumber Alam (ISSRM) kali ke-17 yang dianjurkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 14 – 17 Jun ini.

Simposium yang diadakan buat julung kalinya di Asia ini akan diadakan di Hotel Le Meridien, di sini.

Jurucakap penganjur berkata, ia antara lain bertujuan sebagai medan perkongsian maklumat ke arah cetusan idea dalam membincangkan isu-isu sosial dan persekitaran seperti penerokaan atau penyalahgunaan sumber alam dan kesan-kesannya terhadap masyarakat, ekonomi dan politik dunia.

“Sabah dilihat sebagai lokasi penganjuran yang tepat memandangkan kehijauan dan keindahan alam semula jadi yang masih terpelihara, sekaligus mampu memberi contoh terbaik dalam mengurus dan memanfaatkan sumber alam secara berhemah,” katanya.

Selain itu, katanya, kemajuan dan kekuatan UMS dalam bidang penyelidikan ilmu sosial khususnya yang berkaitan sumber alam dan persekitaran turut membawa ke arah pemilihan sebagai tuan rumah simposium antarabangsa yang amat berprestij ini.

ISSRM 2011 bakal menyaksikan kehadiran pengurus-pengurus sumber alam terkemuka dari Wilayah Amerika Tengah dan Utara, Timur dan Eropah Barat, Australia dan Pasifik Selatan, Tenggara dan Asia Selatan.

Simposium yang diadakan pada setiap tahun ini merupakan acara tahunan dibawah Persatuan Antarabangsa Masyarakat dan Sumber Daya Alam (IASNR) yang berpusat di Amerika Syarikat dan mempunyai keahlian di seluruh dunia. Sebelum ini, ISSRM pernah diadakan di Eropah, Afrika dan Australia.

Sehubungan itu, orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai simposium ini boleh melayari laman web “<http://www.issrm2011malaysia.iasnr.org>” [www.issrm2011malaysia.iasnr.org](http://www.issrm2011malaysia.iasnr.org) atau menghubungi Prof. Madya Dr. Fadzilah Majid Cooke menerusi talian 088-32000 sambungan 1771/1777/183.